



جَبَاتِن كَحَاكِمِن شَرَعِيَّة نِكْرِي سَمْبِيلَن

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
Karung Berkunci No. 37, Jalan Dato' Hamzah, 70000 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel : 06 - 763 1241 / 06 - 763 1011 / 06 - 763 1012 / 06 - 763 1013 Faks : 06 - 764 5426  
e-mail : jksnns@esyariah.gov.my



JKSNS.84(01)451/1( )

18 Syawal 1433H  
5 September 2012

Hakim-Hakim Syarie,  
Penolong Pendaftar Kanan,  
Penolong-Penolong Pendaftar,  
Pembantu-Pembantu Pendaftar,  
Penghantar-Penghantar Notis  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

**PEKELILING AM KETUA PENDAFTAR BIL. 9 TAHUN 2012**

**PENJELASAN PELAKSANAAN TEMPOH PENYAMPAIAN SAMAN  
DALAM BIDANG KUASA**

Saya ingin menarik perhatian Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Pasukan Kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Bil. 2 Tahun 2012 pada 4hb September 2012 dan pengesahan oleh Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Am Ketua Pendaftar berhubung dengan **penjelasan pelaksanaan tempoh penyampaian saman dalam bidang kuasa iaitu :-**

- (1) Tempoh penyampaian saman kediri kepada Defendan (tidak termasuk saman yang beralamat di luar bidang kuasa) hendaklah disampaikan tidak kurang daripada (7) tujuh hari genap sebelum hari kehadiran melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya. Penjelasan ini adalah berdasarkan peruntukan di dalam seksyen 45 (1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. Diperkukuhkan lagi melalui Arahan Amalan No. 2 Tahun 2011 yang menyatakan bahawa tempoh penyampaian saman kediri kepada Defendan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh saman dikeluarkan (bersamaan tarikh pendaftaran sesuatu kes). Tempoh (7) tujuh dan (14) empat belas hari ini adalah mengambil kira penetapan tempoh sebutan kes iaitu (21) dua puluh satu hari dari kes didaftarkan.